

From: Institut Pemikiran Tun Dr. Mahathir -IPDM
Sent: Isnin, 14 Ogos 2017 2:59 ptg
To: UUM - All Staff; UUMstudentgroup
Subject: IPDM PERLUAS HUBUNGAN ANTARABANGSA



14 OGOS 2017 / 21 ZULKAEDAH 1438H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)



IPDM ONLINE: Institut Pemikiran Tun Dr. Mahathir Mohamad (IPDM) menyahut seruan Universiti dalam mengukuhkan hubungan kerjasama antarabangsa.

Dalam merangka beberapa perancangan program antarabangsa, IPDM menyambut baik kedatangan delegasi dari Fakulti Hukum, Universitas Islam Sultan Agung (UNISSULA) Semarang, Jawa Tengah dan Universitas Sebelas Maret, Solo Indonesia semalam.

Kunjungan pertama kali ini bertujuan melihat peluang kerjasama antara Fakulti Hukum UNISSULA dan IPDM. Delegasi itu diketuai oleh Prof.Dr.H.Gunarto, manakala IPDM diwakili oleh Pengarah, PPjR. Dr. Hj. Ahmad Zaharuddin Sani Ahmad Sabri.

Beberapa agenda penting telah dibincangkan untuk kerjasama iaitu persetujuan bagi mengadakan Memorandum Persefahaman (MoU) dan kolaborasi dalam menjalankan penyelidikan bersama melalui *matching grant*.

Dalam pertemuan itu, Prof.Dr.H.Gunarto turut menyatakan hasrat bagi menjalinkan kerjasama dalam penganjuran seminar antarabangsa.

"Seminar antarabangsa merupakan satu platform bagi golongan pensyarah dan mahasiswa dalam menghasilkan penulisan penyelidikan yang berkualiti serta dapat dimuatkan di dalam jurnal antarabangsa yang berindeks Scopus", katanya dalam pertemuan di Manager's Coffee UUM.

Delegasi merakamkan ucapan terima kasih kepada Pengarah IPDM atas kesudian menjalinkan kerjasama dengan UNISSULA dan berharap pertemuan ini dapat membentuk usahasama kedua-dua universiti.

Delegasi turut dibawa melawat Anjung Tamu dan lawatan sekitar kampus.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.